

08/07/2003

Malaysia, Brunei sepakat (HL)

Ridzuan Yop

BANDAR SERI BEGAWAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin isu tuntutan bertindih Malaysia-Brunei ke atas wilayah Limbang dapat diselesaikan dalam

situasi menang-menang tanpa menjejaskan hubungan baik kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Sultan Hassanah Bolkiah turut berharap

satu keputusan dapat dibuat yang memberi manfaat kedua-dua pihak.

Harapan itu disuarakan Sultan Brunei dalam pertemuan empat mata dengan Abdullah di Istana Nurul Iman, semalam.

Abdullah yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke sini, berkata memang menjadi hasrat Malaysia untuk menyelesaikan isu tuntutan itu secepat mungkin kerana ia sudah berlarutan agak lama.

Bagaimanapun, katanya, beberapa perkara lain yang berkaitan akan dibincangkan bagi memastikan apa juga isu yang timbul dapat diselesaikan segera.

"Kita akan melihat dan mengkaji semua formula penyelesaian yang akan dibawa kedua-dua pihak dalam rundingan yang akan diadakan sebelum menimbang sebarang keputusan," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis ramah mesra dengan kira-kira 500 rakyat Malaysia di Brunei di Dewan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini.

Abdullah dan isteri Datin Seri Endon Mahmood tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 11.05 pagi semalam. Turut serta, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Timbalan Menteri.

Pendidikan, Datuk Aziz Samsuddin, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud, Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei yang baru dilantik, Tan Sri Mohd Jamil Johari.

Timbalan Perdana Menteri berkata, hubungan baik Malaysia dan Brunei bukan saja dapat dilihat antara kerajaan dan kerajaan, malah antara rakyat

tempatan dan Malaysia yang bekerja di sini.

Sementara itu, Syed Hamid ketika ditanya isu yang sama, berkata pertemuan empat mata Timbalan Perdana Menteri dan Sultan Brunei akan dapat

mempercepatkan lagi proses penyelesaian tuntutan bertindih itu.

Beliau berkata, satu mesyuarat peringkat menteri dan pegawai akan diadakan dalam masa terdekat bagi mencari penyelesaian terhadap isu itu.

Syed Hamid berkata, isu Limbang lebih kepada aspek persempadanan di darat dan kawasan maritim yang ketika ini masih belum jelas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir sebelum ini turut melahirkan harapan isu tuntutan bertindih ke atas wilayah Limbang dapat diselesaikan

sebelum persaraannya, Oktober depan.

Limbang di utara Sarawak, yang lokasinya diapit di antara daerah Brunei-

Muara dan Daerah Temburong (ke arah Sabah) adalah antara kawasan yang sering dipersoalkan setiap kali masalah sempadan Malaysia-Brunei dibangkitkan.

Tuntutan bertindih terhadap daerah Limbang dibangkitkan Brunei sejak berpuluh tahun lalu. Limbang cuma seluas 3,978 kilometer persegi dan didiami penduduk Melayu, Lun Bawang, Cina, Kedayan, Iban, Bisaya, Kelabit, Tagal dan Penan.

Limbang menjadi sebahagian Sarawak ketika pemerintahan Charles Brooke pada 1890. Apabila Sarawak mencapai kemerdekaan dan menjadi sebahagian Malaysia pada 1963, Limbang kekal sebagai sebahagian negeri itu.

Brunei dibahagi kepada empat daerah termasuk daerah Tutong dan Belait.

Bandar Seri Begawan terletak dalam daerah Brunei-Muara. Dari Bandar Seri

Begawan ke bandar Limbang cuma 30 minit menggunakan bot laju, lebih dekat

dari bandar Bangar dan Labu di daerah Temburong.

Sebelum ini, Brunei pernah memberi jaminan tidak akan membawa tuntutannya ke atas Limbang kepada Mahkamah Dunia (ICJ) sebagai jalan penyelesaian.